# SENAI-DESARU EXPRESSWAY BERHAD

## KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (LPIPM/CIDB)/PUKONSA/UPKJ yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** atau Sijil Pusat Pendaftaran **Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA)** atau **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam Kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan untuk membuat tawaran bagi kerja berikut :

| BIL. | TAJUK DAN NO. TAWARAN | TARAF/ SYARAT PENDAFTARAN | TARIKH & TEMPAT TAKLIMAT | TARIKH & TEMPAT PENJUALAN DOKUMEN | TARIKH & TEMPAT TUTUP TENDER | HARGA DOKUMEN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **PROJEK NAIKTARAF LEBUHRAYA SENAI-DESARU (SDE) (FASA 2A: CAHAYA BARU (KM42.9) – SG. JOHOR (KM47.60) – (REKA & BINA)** | **Petender WAJIB memenuhi syarat berikut:**<br>**i. Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);**<br>**ii. CIDB : GRED G7;**<br>**iii. Kategori : CE;**<br>**iv. Pengkhususan CE01, CE02, CE21 & CE36**<br>**v. Mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), CIDB atau;**<br>**vi. Sijil Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, bekalan dan Perkhidmatan negeri Sabah (PUKONSA); atau**<br>**vii. Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)**<br>**viii. Mempunyai pengalaman dalam bidang Pembinaan Jalan atau Lebuhraya**<br>**ix. Mempunyai minima SCORE 3 Bintang yang masih sah sekurang-kurangnya sehingga 31 Disember 2026;**<br><br>***TEMPOH SAHLAKU BAGI SEMUA SIJIL HENDAKLAH MELEBIHI TIGA (3) BULAN DARI TARIKH TENDER DITUTUP.** | Tarikh :<br>**22 September 2026 (Selasa)**<br><br>Pendaftaran :<br>**9.00 – 10.30 pagi**<br><br>Taklimat :<br>**10.45 pagi**<br><br>Lawatan :<br>**12.00 tengahari**<br><br>Tempat :<br>**Senai Desaru Expressway Berhad Pejabat Pentadbiran, Lebuhraya Senai-Desaru, KM22, 81800, Ulu Tiram, Johor**<br><br>**Kehadiran pada sesi Taklimat dan Lawatan Tapak adalah DIWAJIBKAN. Had Kehadiran bagi setiap Petender adalah seramai 2 Orang sahaja.**<br><br>**Pemilik Syarikat dan seorang wakil sahaja yang dibenarkan** | Tempoh Jualan:<br>**22 September 2026 (Selasa)**<br><br>hingga<br><br>**30 September 2026 (Rabu)**<br><br>Tempat:<br>**Unit Perolehan, Senai Desaru Expressway Berhad Pejabat Pentadbiran, Lebuhraya Senai-Desaru, KM22, 81800, Ulu Tiram, Johor**<br><br>**Sila kemukakan bersama borang Pengesahan kehadiran taklimat dan lawatan tapak yang telah di sahkan semasa pembelian tender** | Tarikh tutup:<br>**16 November 2026 (Isnin)**<br><br>Sebelum atau pada jam<br>**12.00 tengahari**<br><br>Tempat :<br>**Kaunter Penjualan Tender, Unit Perolehan, Senai Desaru Expressway Berhad, Kompleks Pejabat Pentadbiran, Lebuhraya Senai-Desaru, KM22, 81800, Ulu Tiram, Johor** | i. Harga Dokumen Tender:<br><br>**Bayaran sebanyak RM 2,000.00 ke Akaun Bank "Senai-Desaru Expressway Berhad" – No Akaun : 551212907436 (Maybank)**<br>(Tidak akan dikembalikan)<br><br>**DAN**<br><br>ii. Bayaran Deposit Tender:<br><br>Petender hendaklah mengemukakan **Deposit Tender bernilai RM10,000.00 dalam bentuk draf bank/jaminan bank atas nama "Senai-Desaru Expressway Berhad"** pada atau sebelum tarikh tutup pelawaan bersama dokumen tender. |

2. Syarikat kontraktor yang ingin menyertai tender ini hendaklah **mempunyai pengalaman di dalam kerja pembinaan lebuhraya atau kerja pembinaan jalanraya dan jambatan** dengan nilai kontrak tidak kurang daripada RM100 juta bagi satu (1) kontrak dalam tempoh 5 tahun terdahulu.

3. Hanya Satu (1) syarikat dibenarkan untuk membuat satu pembelian dokumen pelawaan tender. Waktu urusan pembelian dan pertanyaan mengenai Tender adalah seperti berikut :

| HARI | WAKTU |
|---|---|
| **Isnin hingga Jumaat** | **9.30 pagi - 12.00 tengahari dan<br>3.00 petang - 5.00 petang** |

4. Petender yang ingin menyertai tender secara **Usahasama (Joint Venture)** adalah dibenarkan, tertakluk kepada syarat bahawa sekurang-kurangnya salah satu daripada syarikat yang membentuk Usahasama tersebut hendaklah mempunyai pengalaman melaksanakan projek Lebuhraya atau Jalan dan Jambatan dengan nilai kontrak tidak kurang daripada RM100 juta bagi satu (1) kontrak dalam tempoh 5 tahun terdahulu.

5. **Kaunter pendaftaran akan dibuka jam 9.00 pagi sehingga sesi taklimat bermula. Pendaftaran lewat tidak dibenarkan untuk menyertai Tender.** Kontraktor yang hadir ke Taklimat dan Lawatan Tapak hendaklah membawa sijil-sijil **ASAL** dan **SALINAN** (tidak akan dikembalikan) **Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta profil syarikat. Hanya Penama dalam PPK dan SPKK atau UPKJ atau PUKONSA yang dibenarkan untuk menyertai taklimat tender dan lawatan tapak.** Kontraktor / syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama di dalam PPK dan SPKK. **Perwakilan kuasa adalah tidak dibenarkan sama sekali.**

6. Dokumen Meja Tender disediakan untuk semakan di **Kaunter Penjualan Tender, Unit Perolehan, Senai Desaru Expressway Berhad, Kompleks Pejabat Pentadbiran, Lebuhraya Senai-Desaru, KM22, 81800, Ulu Tiram, Johor** pada waktu pejabat b**ermula pada 22 September 2026** iaitu selepas **sesi lawatan tapak selesai. Dokumen tender boleh diperolehi dengan pembelian RM2,000.00 senaskah bermula pada 22hb September 2026 sehingga 30hb September 2026.**

7. Wakil Syarikat kontraktor yang ditauliahkan untuk membuat pembelian dokumen tender perlulah membawa **surat perwakilan kuasa beserta cop rasmi syarikat dan mengemukakan bersama sesalinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), sesalinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau UPKJ atau PUKONSA** (tidak dikembalikan) semasa membeli dokumen tender.

8. Bayaran Dokumen Tender hendaklah dibayar ke Akaun Bank **SENAI-DESARU EXPRESSWAY BERHAD No Akaun 551212907436 (Maybank)**. Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan dan **pembayaran secara tunai atau cek adalah tidak akan diterima.**

9. Semasa serahan dokumen tender mengikut tarikh dan masa tutup tender, petender hendaklah mengemukakan bersama **Deposit Tender** (yang dimasukkan didalam sampul dokumen tender) dalam bentuk **Bank Deraf** dalam Ringgit Malaysia daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia di atas nama **SENAI-DESARU EXPRESSWAY BERHAD**. **Sila ambil perhatian**, Deposit Tender secara tunai, cek persendirian atau cek Syarikat adalah tidak dibenarkan.

10. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas tamat tempoh pembelian dokumen tender sepertimana yang telah disebutkan di atas. **Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan nombor dan tajuk Tender dituliskan di kirinya dan bagi Deposit Tender hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berasingan untuk semakan urusetia**. Kedua-dua dokumen tersebut hendaklah dikemukakan ke dalam Peti tender di alamat berikut :

**PETI TENDER,**
**UNIT PEROLEHAN,**
**SENAI-DESARU EXPRESSWAY BERHAD,**
**KOMPLEKS PEJABAT PENTADBIRAN,**
**LEBUHRAYA SENAI-DESARU (E22), KM22,**
**81800 ULU TIRAM, JOHOR**

11. Semua kos yang berkaitan dengan tawaran Tender di atas adalah tanggungjawab kontraktor. Dokumen Tender yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan SDEB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan, kerugian dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui Pos atau Kurier

12. SDEB tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan dengan tawaran ini.

13. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **En Mazlan Mohamed Khalid (Unit Perolehan SDEB) di talian 07-863 2020 atau melalui emel: procurement@e22.com.my**